

**KESAN PENGHANTARAN PULANG PEKERJA ASING TERHADAP  
PEMBANGUNAN PROJEK PEMBINAAN**

**CHONG SIEW FUN**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Bangunan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**OKTOBER, 2003**

## ABSTRAK

Keupayaan industri pembinaan untuk menjadi kompetitif adalah bergantung kepada kekuatan elemen-elemen asasnya, iaitu tenaga manusia, bekalan bahan, loji dan jentera, kewangan dan teknologi. Tenaga manusia merupakan cabaran yang paling terdesak dihadapi oleh industri pembinaan Malaysia berikutan pergantungan beratnya terhadap pekerja asing. Kehadiran pendatang asing tanpa izin yang banyak merupakan isu yang paling menyakitkan hati orang ramai. Mereka patut dipertanggungjawabkan terhadap kebanyakan kegiatan jenayah yang berlaku di negara kita. Perhatian ditumpukan kepada pekerja Indonesia setelah kejadian rusuhan di kilang tekstil, Nilai yang melibatkan mereka berlaku. Dengan itu, kerajaan telah bertindak dengan menghantar pulang pendatang asing tanpa izin dan pekerja yang telah tempoh permit kerjanya selama lima tahun serta meminda Akta Imigresen 2002 yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2002. Tindakan kerajaan telah membawa kepada masalah kekurangan pekerja yang kritikal dalam sektor pembinaan selepas pekerja asing pulang ke negara asal mereka. Kebanyakan tapak pembinaan terhenti kerja pembinaannya. Dianggarkan caj penalti ganti rugi tertentu sebanyak RM1.2 juta akan dikenakan terhadap industri pembinaan berikutan kelambatan penyiapan projek. Oleh yang demikian, penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti kesan penghantaran pulang pekerja asing terhadap pembangunan projek pembinaan daripada aspek masa dan kos. Analisis kajian ditumpukan terhadap komposisi pekerja tapak, kadar penghantaran pulang pekerja asing, kelambatan kemajuan kerja yang disebabkan oleh kekurangan pekerja, tindakan untuk menghadapi krisis pekerja serta kos langsung yang timbul daripada tindakan yang diambil dan kos tidak langsung yang terlibat. Rumusan daripada kajian ialah masalah kekurangan pekerja tapak telah menyebabkan kelambatan kemajuan kerja. Kenaikan kos timbul daripada tindakan yang diambil untuk menghadapi krisis pekerja ini. Cadangan telah dikemukakan untuk memastikan krisis pekerja yang sama tidak berulang.

## ABSTRACT

The ability of the construction industry to remain competitive lies in the strength of its fundamental elements, namely manpower; material supply, plant and equipment; finance and technology. Manpower is one of the most pressing challenges facing the Malaysian construction industry, as there is heavy reliance on a large number of foreign workers. One of the most vexing issue relating to foreign workers to plague the minds of the public is still the huge number of undocumented immigrant workers in the country. It is without doubt that immigrants are responsible for a great deal of crime in the country. Indonesians have come in for particular scrutiny after a riot at a textile factory in Nilai in January 2002. The government reacted by repatriating all illegal foreign workers as well as those who have reach five years of working permit, and the making of amends to Immigration Act 2002 which took effect on August 1, 2002. The deal struck with the government addresses the problem of acute shortage of manpower in the industry upon the wholesale departure of Indonesian workers. Works on construction sites was brought to a stand still. Most job sites came to a grinding halt. It is estimated to cost the industry RM1.2 billion in late delivery penalty charges due to project delays. Thus, this research aims to identify the implication of repatriation of foreign workers by government towards the developments of construction projects from the aspect of time and cost. The analysis of this study concentrates on composition of site operatives, foreign workers deportation rate, degree of work disruption due to workers shortage, degree of work delay, actions taken to overcome the crisis and direct and indirect cost raised from the action taken. The conclusion from the study is that construction projects are delayed due to workers shortage, thus results in cost increment from the action taken to overcome the delayed progress. Suggestions and recommendations proposed to ensure no reoccurrence of such crisis.